



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa staf-staf UiTM yang berjawatan tetap sahaja yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan di Kampus Shah Alam dan Cawangan bagi memenuhi Wawasan 2020 Negara.

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI				
1	PENOLONG PENDAFTAR	N41	Pegawai Tadbir	P1T1	RM1690.28	-	P1T27	RM4640.28
				P2T1	RM1784.90	-	P2T27	RM4918.55
				P3T1	RM1883.73	-	P3T27	RM5220.62

3) PENOLONG PENDAFTAR (GRED N41)

- 1) Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41:P1T3); atau
 - (ii) ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41:P1T4);

dan

- (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang memiliki ijazah dalam bidang Pengurusan Organisasi, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan, Komunikasi dan Media, Pemasaran, Teknologi Maklumat, Pengajian Polisi, Undang-Undang atau Perhubungan Antarabangsa).

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

- 2) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Pegawai Tadbir Tanah, Penolong Pegawai Tanah, Penghulu dan Setiausaha Pejabat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

III. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a. Permohonan hanya untuk staf-staf UiTM yang berjawatan **tetap** sahaja.
- b. Permohonan bagi jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dikehendaki menduduki Peperiksaan Khas di UiTM. Pemberitahuan kepada calon-calon yang terpilih untuk menduduki Peperiksaan Khas akan dimaklumkan oleh Bahagian Pengurusan Perjawatan.
- c. Hanya calon-calon yang lulus Peperiksaan Khas dan ditapis-senarai akan dipanggil untuk temu duga. Pemohon yang dipanggil **TEMU DUGA SAHAJA** perlu membawa dokumen-dokumen asal dan salinan sijil-sijil yang telah **DISAHKAN** berserta dengan borang permohonan yang telah dicetak untuk diserahkan kepada Setiausaha Temu Duga.
- d. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan dari Bahagian Pengurusan Perjawatan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- e. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di kampus-kampus cawangan.

IV. CARA MEMOHON

- a. Untuk Staf UiTM sahaja

Permohonan dari **Staf UiTM berstatus tetap** di mana pelantikan dibuat melalui Bahagian Pengurusan Perjawatan UiTM, hendaklah dibuat melalui sistem aplikasi dalam talian (“**ON-LINE**”) melalui Portal I-Staf -> eProses & Sistem Sokongan -> ePengambilan Staf.

Tarikh tutup permohonan adalah pada hari **Isnin, 8 Ogos 2011**.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut bolehlah menghubungi :



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BAHAGIAN PENGURUSAN PERJAWATAN
JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
NO.TEL: (03) 5544 3089/ (03) 55211613/
(03) 55443090/3092/3082
E-MEL: perjawatan@salam.uitm.edu.my

Jkalan Jawatan Pentadbiran/azura/22072011